

MEMO BENDAHARI BIL 1/2020

NO. RUJUKAN : UNISEL/PB/500/04/2020(01)
TARIKH : 18 DISEMBER 2020
KEPADА : SEMUA STAF UNIVERSITI SELANGOR
DARIPADA : BENDAHARI
PERKARA : PENUTUPAN AKAUN BAGI TAHUN 2020

Assalamualaikum wrt. wbt. & Salam Sejahtera,

Y.Bhg. Dato'/ Prof./Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

1.0 Tujuan

- 1.1 Memo ini bertujuan memaklumkan penutupan akaun bagi tahun 2020, Universiti Selangor.

2.0 Latar Belakang

- 2.1 Memo mengenai penutupan akaun ini dikeluarkan pada setiap tahun bagi menggariskan dengan terperinci tindakan yang perlu diambil oleh semua kakitangan Universiti termasuk penetapan tarikh penghantaran dokumen-dokumen kewangan yang berkaitan dengan proses penutupan akaun Universiti bagi tahun 2020.
- 2.2 Bagi menambahbaik kualiti penyediaan Akaun Universiti untuk tahun 2020, Dekan dan Ketua Jabatan serta semua staf yang terlibat hendaklah memberi kerjasama dengan mematuhi tarikh penghantaran dokumen yang telah ditetapkan.

3.0 Perkara-Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian

- 3.1 Bagi semua **permohonan pembayaran, invois, pendahuluan dan tuntutan (geran/aktiviti pelajar/CAKNA/panjar wang runcit dan pelbagai)** dokumen tuntutan hendaklah diserahkan sebelum atau selewat-lewatnya pada **24 Disember 2020, jam 5.00 petang**. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pembayaran hanya akan diproses pada Januari 2021. Manakala bagi **invois untuk tahun 2020**, dokumen hendaklah diserahkan **sebelum atau selewat-lewatnya pada 29 Disember 2020** bagi tujuan merekod perbelanjaan bagi tahun semasa.

Kampus Shah Alam Shah Alam Campus

• Jalan Zirkon A 7/A, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel • +603 5522 3405 Fax • +603 5513 9143

Kampus Bestari Jaya Bestari Jaya Campus

• Jalan Timur Tambahan, 45600 Bestari Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel • +603 3280 5000 Website • www.unisel.edu.my

**Peneraju Transformasi
Leader of Transformation**

Milik Penuh Kerajaan Negeri Selangor
Wholly Owned By Selangor State Government

- 3.2 Semua **laporan wang pendahuluan (advance)** yang diterima bagi tahun semasa perlu diserahkan ke Pejabat Bendahari **sebelum atau selewat-lewatnya pada 8 Januari 2021**. Sekiranya masih belum selesai penggunaannya, hendaklah memaklumkan semula kepada pihak Unit Pendahuluan dan Pentadbiran, Pejabat Bendahari. **Tindakan pemotongan gaji bagi bulan Januari 2021 akan dilaksanakan jika gagal terhadap pematuhan ini.**
- 3.3 Setiap **penerimaan barang/perkhidmatan** melalui Pesanan Pembelian (PO) daripada pihak pembekal/kontraktor hendaklah diakui penerimaannya dan **direkodkan di Sistem SPK (Perolehan – Pendaftaran Penerimaan Barang) selewatnya sebelum atau pada 31 Disember 2020.**

○ Segala pertanyaan berkenaan perkara ini boleh berhubung terus dengan Puan Zanariah binti Baba di talian 03-55223488.

Sekian, terima kasih.

"Peneraju Transformasi"

Yang menjalankan tugas,


MOHAMMED AKRAM BIN MOHD TAMYES

Penolong Bendahari Kanan
Universiti Selangor